

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN
KOMPLEKS ISLAM DARULNAIM, LUNDANG
15200 KOTA BHARU
TEL: 09-7481512 / 7445957 FAX :09-7485512 / 7444393

IKLAN JAWATAN PEGAWAI MASJID MUKIM

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Keutamaan kepada peranakan Negeri Kelantan) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

- (i) Jawatan : Imam Tua Masjid Mukim Palekbang, Daerah Kebakat, Jajahan Tumpat.
- (ii) Taraf Jawatan : Berelaun (disambung perkhidmatan setiap 2 tahun berdasarkan laporan prestasi perkhidmatan)
- (iii) Elaun Bulanan : RM 1,300.00

SYARAT KELAYAKAN :

- (i) Seorang lelaki beragama Islam yang sempurna akal.
- (ii) Mempunyai pengetahuan agama yang baik.
- (iii) Keutamaan diberi kepada pemohon yang bermastautin atau bermukim dalam kawasan mukim masjid berkenaan;
- (iv) Warganegara Malaysia.
- (v) Berumur 25 tahun dan ke atas tetapi tidak melebihi 60 tahun mengikut kad pengenalan pada tarikh iklan dikeluarkan.
- (vi) Mempunyai latar belakang sosial yang baik serta dihormati oleh penduduk tempatan;
- (vii) Tiada rekod jenayah yang telah dijatuhkan hukuman oleh mana-mana mahkamah termasuk Mahkamah Syariah;
- (viii) Mempunyai kesihatan tubuh badan yang baik.
- (ix) Keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Sijil Tahfiz Al-Quran daripada Pusat Tahfiz Al-Quran.

Pengecualian daripada ujian Tahriri (bertulis) akan dikecualikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan berikut;

- (i) Sijil IV Thanawi atau Sijil Menengah Ugama atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau mana-mana sijil agama yang setaraf dengannya.
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan kepujian dalam subjek Pendidikan Syariah Islam, Pendidikan Quran Dan Sunnah dan lulus Bahasa Arab.

CARA MEMOHON

- i) Permohonan hendaklah dibuat melalui borang khas yang boleh didapati di Pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan atau pengurusan masjid mukim berkenaan.
- ii) Salinan sah sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, serta surat berkaitan bersama gambar berukuran passport hendaklah dikembalikan bersama borang permohonan.
- iii) Permohonan yang tidak mengikut peraturan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

ALAMAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah sampai ke alamat berikut :

Timbalan Yang DiPertua

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Kompleks Islam Darulniam, Lundang

15200 KOTA BHARU

TARIKH TUTUP : 21 DISEMBER 2016